



**PEKELILING PENGARAH TANAH
DAN GALLIAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

BAHAGIAN 2

**LESEN PENDUDUKAN
SEMENTARA**

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALLIAN NEGERI KEDAH
WISMA NEGERI, 05576 ALOR SETAR



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
BILANGAN 1 TAHUN 2009 (K)**

**PERINGATAN KEPADA KEPUTUSAN MAJLIS MESYURAT KERAJAAN
BERKENAAN LESEN MENUMPANG SEMENTARA YANG DIKELUARKAN
KEPADА ORANG-ORANG BUKAN MELAYU DI DALAM KAWASAN TANAH
SIMPANAN MELAYU**

1. Tujuan pekeliling ini adalah untuk memperingatkan kepada semua Pentadbir Tanah mengenai keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, Kertas No. 636/72, PSU(K) 1626/1374 Pendua) berkaitan “**Lesen Menumpang Sementara Yang Dikeluarkan Kepada Orang-Orang Bukan Melayu Di dalam Kawasan Tanah Simpanan Melayu**” bertarikh 29 Disember 1972.

2. Cabutan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan tersebut seperti berikut:-
“Setelah berbincang, Majlis tidak membenarkan dikeluarkan Lesen Menumpang Sementara (T.O.L) yang baru kepada orang-orang bukan Melayu di atas tanah-tanah di Dalam Simpanan Melayu dan bagi lesen-lesen yang telah dikeluarkan, jika tidak dapat dielak, Majlis bersetuju bolehlah dibenar memperbaharui lesen-lesen tersebut dan mengarah supaya dikutip bayaran-bayaran harga lesen-lesen itu. Dan lagi majlis memutuskan Kerajaan boleh mengambilbalik tanah-tanah yang telah

dikeluarkan Lesen Menumpang Sementara (T.O.L) itu jika tanah-tanah tersebut akan digunakan untuk rancangan Kerajaan”.

3. Kertas Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan ini telah dikeluarkan dan diedarkan kepada Pemungut Hasil Tanah (Pentadbir Tanah Daerah) menurut surat Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Bil.()dlm. PTG(K) 171/70 bertarikh 31 Januari 1973.
4. Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan tersebut masih berkuatkuasa dan relevan dengan Enakmen Tanah Simpanan Bagi Orang-Orang Melayu Undang-Undang 63.
5. Pada masa kini masih terdapat Pentadbir-Pentadbir Tanah yang mempraktikkan menerima permohonan dari individu-individu bukan Melayu yang memohon Lesen Menumpang Sementara (T.O.L) di atas Tanah Simpanan Melayu di atas kematian pemegang lesen terdahulu yang bukan Melayu. Praktikal ini tanpa disedari adalah bertentangan dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan tersebut dan perlu dihentikan.
6. Garis panduan sebagai kepatuhan kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan tersebut adalah seperti berikut:-
 - i. Pentadbir Tanah hendaklah menolak permohonan Lesen Menumpang Sementara oleh orang-orang bukan Melayu ke atas Tanah Simpanan Melayu.
 - ii. Bagi kes-kes di mana Lesen Menumpang Sementara telah dikeluarkan sebelum 31 Januari 1973, permohonan pembaharuan lesen boleh diterima dan dikutip bayaran lesen tersebut.
 - iii. Sekiranya terdapat pemegang lesen terdahulu meninggal dunia, lesen tersebut boleh dibatalkan dan tidak boleh dipindahmilik atau dialihhak atas kematian (Seksyen 68 Kanun Tanah Negara). Permohonan

semula untuk memiliki tanah tersebut secara Lesen Menumpang Sementara daripada waris-waris si mati hendaklah ditolak.

7. Pentadbir Tanah dengan ini diminta mematuhi pekeliling ini di dalam tindakan memproses permohonan Lesen Menumpang Sementara oleh orang-orang Bukan Melayu.

8. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini adalah sebagai peringatan kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kertas No. 636/72, bertarikh 29 Disember 1972 dan berkuatkuasa **serta merta**.

“BERKHIDMAT UNTUK AGAMA DAN NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(DATO' HJ. MUHAMAD NOR BIN HJ. ROFIE, DSDK., AMK., BCK., BPL.)

Pengarah Tanah Dan Galian

Negeri Kedah Darul Aman.

No. Fail : PTG/KED/K/264/2003 (PEKELILING)
Bertarikh : 26 Rabiulawal 1430
 : 23 Mac 2009



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
BILANGAN 2 TAHUN 2009 (K)**

**PENURUNAN KUASA KEPADA PENTADBIR TANAH BERKAITAN KEBENARAN
MELULUSKAN MEMPERBAHARUI LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA YANG
MELEBIHI 3 KALI**

1. Tujuan pekeliling ini adalah untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri Kedah Darul Aman yang bersidang kali ke 1/2008 (Sambungan) bertarikh 16 Jun 2008 (Kertas Hal-hal Lain Khas, Agenda 9.16, 19.14.2) berkaitan Cadangan Penurunan Kuasa Kepada Pentadbir Tanah Daerah Berkaitan Kebenaran Memperbaharui Lesen Pendudukan Sementara Yang Melebihi 3 kali.

2. Dalam mesyuarat tersebut, Jawatankuasa telah bersetuju memutuskan Pentadbiran Tanah boleh memperbaharui Lesen Pendudukan Sementara yang telah daripada 3 kali pembaharuan. Matlamat utama kelulusan tersebut ialah untuk mengelakkan kelewatan pemegang lesen untuk membaharui lesen mereka, mengelakkan denda yang tidak sepatutnya ditanggung oleh pemegang lesen akibat kelewatan keputusan Pihak Berkuasa Negeri dan kerugian hasil kepada kerajaan.

3. Kebenaran ini adalah kebenaran bertulis daripada Jawatankuasa Tanah Negeri seperti yang tercatit dalam minit mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri Bil. 1/2008 (Sambungan) di Para Agenda 9.16 (19.14.2) bertarikh 16 Jun 2008.

4. Sebagai panduan kepada semua Pentadbir Tanah untuk tujuan mematuhi dan melaksanakan keputusan tersebut, mana-mana satu lesen pendudukan sementara yang telah dikeluarkan, Pentadbir Tanah bolehlah atas permohonan oleh pemegang lesen memperbaharui lesen tersebut untuk kali ke 4 dan seterusnya dengan syarat lesen tersebut tidak dialihhak atas kematian pemegang lesen asal.
5. Pada masa hadapan, Pentadbir Tanah tidak perlu lagi mengemukakan Borang Penyenaraian Permohonan Memperbaharui Lesen Pendudukan Sementara Yang Melebihi 3 Tahun untuk pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Tanah Negeri.

6. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 16 Jun 2008.

“BERKHIDMAT UNTUK AGAMA DAN NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(DATO' HJ. MUHAMAD NOR BIN HJ. ROFIE, DSDK., AMK., BCK., BPL.)

Pengarah Tanah Dan Galian

Negeri Kedah Darul Aman.

No. Fail : PTG/KED/K/264/2003 (PEKELILING)

Bertarikh : 26 Rabiulawal 1430

: 23 Mac 2009